terhadap projek mereka. Menurut Nitce Isa Medina dan Mai Shihah (2013), PjBL merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan kepada soalan dan masalah sebenar yang dialami oleh pelajar, menghasilkan produk atau artifak di akhir projek, mengintegrasikan TMK dan boleh dilakukan sama ada secara berkumpulan atau individu. Kaedah ini bukan sahaja mampu menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar secara aktif, malah telah terbukti mampu menyelesaikan masalah pembelajaran sekalipun berada di luar kelas (Mohd Ridzuan et al., 2021). Dalam program pengajian di KV, terdapat satu kursus yang memerlukan pelajar membina pengetahuan sendiri melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek iaitu kursus Projek Tahun Akhir (PTA).

Kursus PTA merupakan kursus wajib dari komponen vokasional untuk penganugerahan Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Kursus PTA dilaksanakan selama setahun iaitu PTA 1 pada semester 3 dan PTA 2 pada semester 4. Tujuan kursus ini diperkenalkan di KV antaranya adalah untuk menguji dan menilai kemahiran pelajar dalam mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari sepanjang tempoh pengajian. Di dalam PTA 1, pelajar dikehendaki membenteng kertas cadangan serta mendapat kelulusan daripada Penyelia Projek sebelum melaksanakan projek di akhir semester. Manakala di dalam PTA 2, pelajar dikehendaki menyiapkan penulisan laporan, menghasilkan projek dan membuat pembentangan kepada penyelia projek dan panel penilai di akhir semester (Bahagian Pendidikan Latihan Dan Teknikal Vokasional (BPLTV), 2020a).



Untuk melaksanakan kursus PTA ini, para pengajar dan pelajar dibekalkan dengan Garis Panduan Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional yang telah disediakan oleh BPLTV. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan kursus PTA di KV, antaranya ialah ketidakmampuan pelajar-pelajar diploma kolej vokasional dalam memilih, melaksana dan melaporkan PTA dengan baik sedangkan ia merupakan elemen-elemen penting yang terkandung di dalam PTA (Rabindarang & Zulinah, 2021). Hal ini sedikit sebanyak telah mendorong kepada pencapaian sederhana dalam kursus PTA sekalipun telah dibantu dari aspek pemarkahan (Wan Hafiidzul et al., 2020a).

PTA merupakan subjek bersifat abstrak yang memerlukan pelajar berfikir secara kreatif dan inovatif untuk menghasilkan sesuatu kajian atau produk nyata (Wan Hafiidzul et al., 2020a). Menurut beliau lagi, pembelajaran berasaskan projek seperti PTA sepatutnya diajar menggunakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar, namun diajar secara konvensional yang berpusatkan guru. Guru atau tenaga pengajar pula didapati belum mempunyai keyakinan mantap dari segi kemahiran, teknik dan sumber untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan projek dalam PdP secara berkesan (Lailatul Hazzlina, 2017). Hal ini menyebabkan pelajar sukar memahami teori PTA, kurang motivasi dan mempunyai keyakinan diri yang rendah (Wan Hafiidzul et al., 2020a). Kesannya, pelajar menjadi tidak bersemangat dalam melakukan projek dan gagal mendapatkan keputusan cemerlang.

Umum mengetahui bahawa, KV menjadi alternatif kepada pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang sederhana selepas tamat Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) (Fazurawati, 2018). Justeru difahami bahawa, motivasi golongan pelajar seperti



ini terhadap pendidikan akademik juga di tahap yang rendah (Muhamad Azmi et al., 2015). Pengajaran secara konvensional seperti syarahan pula dilihat kurang berkesan dalam membantu golongan pelajar ini memahami konsep PTA dengan baik dan menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk mengapakai pengetahuan tersebut dalam merealisasikan projek mereka. Oleh itu, adalah penting untuk menekankan pendidikan abad ke-21 melalui bantuan teknologi dan multimedia kerana menurut Surendran Sankaran & Norazlinda (2021), kaedah ini bukan sahaja meningkatkan minat pelajar untuk belajar malah mampu mencungkil daya kreativiti dan inovasi pelajar.

Pencapaian pelajar yang sederhana dalam PTA antaranya dipengaruhi oleh kelemahan dalam penulisan ilmiah (Wan Hafidzul et al., 2020b). Selain itu ia juga berpunca dari tahap efikasi sendiri atau persepsi diri sendiri terhadap kebolehpayaan untuk melaksanakan penyelidikan yang rendah sekalipun dibantu dan dikawal oleh penyelia (Hie et al., 2014). Hal ini termasuklah dalam pemilihan dan penapisan maklumat yang diperolehi dari internet. Kekurangan bahan pembelajaran yang spesifik mengikut tahap silibus kursus PTA di KV, mendorong pelajar untuk mengakses internet bagi mendapatkan maklumat. Namun, lambakan maklumat dari sumber yang pelbagai boleh menyebabkan kekeliruan kepada pelajar dalam mendapatkan maklumat yang sahih dan bermakna untuk kajian mereka. Hal ini kerana tidak semua maklumat yang dipaparkan di internet adalah betul (Ahmad Fkrudin et al., 2021). Justeru, adalah menjadi tanggungjawab pengajar untuk mengawal maklumat yang diperolehi oleh pelajar dengan cara menyediakan sumber atau bahan pembelajaran yang sesuai.



Pemeriksaan e-pembelajaran melalui pembangunan modul elektronik atau e-modul dapat meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar, sekaligus meningkatkan kualiti penulisan ilmiah mereka. Pendapat ini selari dengan kajian Jublin et al. (2021) yang mengatakan bahawa motivasi, keyakinan diri, penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran dapat ditingkatkan sekaligus melonjak pemahaman, penerimaan serta pencapaian akademik pelajar, sekiranya e-pembelajaran digunakan. Hal yang demikian kerana, sumber e-pembelajaran seperti e-modul yang menerapkan elemen multimedia interaktif seperti teks, video, grafik dan audio, membolehkan persekitaran pembelajaran menjadi mudah alih dan fleksibel. Ia turut dapat meningkatkan pengekalan ingatan yang lebih baik dan mencapai tahap pemahaman yang diperlukan (Huffman & Hahn, 2015).

Dalam pelaksanaan PTA di KV, pelajar akan diajar oleh pensyarah penyelarasan dan dibimbing oleh pensyarah penyelia yang berperanan sebagai penyelia projek untuk menyelia, memantau dan membantu pelaksanaan PTA tersebut (BPLTV, 2020a). Penglibatan tenaga pengajar yang mempunyai pendapat tersendiri dalam menjalankan penyelidikan, mendorong kepada perbezaan pandangan, maklumat dan cara bimbingan kepada pelajar KV yang masih mentah dan cetek ilmu penyelidikan. Ketidakselarasan dalam membimbing pelajar semasa proses melaksanakan PTA menimbulkan konflik kepada pelajar kerana terpaksa menerima pendapat yang berbeza (Sujaiyah, 2018). Justeru, penggunaan e-modul dalam subjek PTA dilihat mampu mengatasi masalah ini kerana segala maklumat dapat diselaraskan.

E-modul adalah bahan pengajaran yang memenuhi pendidikan abad ke-21 dan merupakan bahan pengajaran yang komprehensif. Ia membolehkan pelajar belajar secara berdikari (Maielfi, 2020). Penggunaan e-modul membolehkan pelajar

memahami pengajaran yang dijalankan dengan lebih mudah dan cepat kerana kaedah yang digunakan bersifat interaktif dan dapat menarik minat pelajar untuk belajar. Kajian Norzurina (2015), menunjukkan bahawa penggunaan modul yang dihasilkan berunsur grafik dan bahan multimedia mampu meningkatkan kreativiti pelajar. Peningkatan pemikiran yang kreatif dapat mendorong pelajar menyelesaikan masalah melalui penghasilan inovasi sama ada berbentuk produk nyata atau kajian (BPLTV, 2020a). Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan e-modul berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi juga berupaya meningkatkan daya kreativiti dan inovasi pelajar dalam membuat sebarang keputusan. Hal ini memungkinkan pelajar-pelajar di kolej vokasional dapat melaksanakan projek tahun akhir mereka dengan lebih berkesan.

dengan menggunakan strategi pengajaran dalam talian adalah perlu, bagi memastikan pelajar dapat melaksanakan kursus PTA dengan lebih berkesan. Pengajaran dalam talian berupaya meningkatkan prestasi, pengetahuan dan kemahiran pelajar (Higgs et al., 2012). Namun begitu, bagi kursus PTA yang melibatkan penghasilan produk secara praktikal, tidak sesuai untuk melaksanakan PdPc secara dalam talian sepenuhnya kerana masih memerlukan pemantauan secara bersemuka daripada tenaga pengajar. Pembelajaran dalam talian sepenuhnya kepada pelajar aliran vokasional boleh mengurangkan keberkesanan latihan kerana tidak melibatkan interaksi secara bersemuka di antara tenaga pengajar dan pelajar (Im, 2021). Justeru, strategi pembelajaran teradun diperlukan kerana PdPc masih dapat dilaksanakan secara bersemuka terutama semasa proses penghasilan produk atau prototaip di bengkel Seni Kulinari.

1.3 Penyataan Masalah

Kursus Projek Tahun Akhir (PTA) diperkenalkan di Kolej Vokasional (KV) supaya para pelajar mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21 seperti pemikiran kreatif dan kritis, kepimpinan yang mantap dan komunikasi yang berkesan. Kursus ini merupakan pembelajaran berasaskan projek yang memerlukan pelajar menghasilkan projek yang berkaitan dengan disiplin ilmu pilihan mereka. Walaupun kursus ini seiring dengan pendidikan abad ke-21, namun dari segi pelaksanaannya dalam PdPc di KV, masih lagi belum memenuhi hasrat pedagogi abad ke-21 yang berfokuskan kepada kelancaran maklumat, media dan teknologi (Anesman et al., 2020; Eliza Annis et al., 2020). Beberapa masalah yang timbul antaranya adalah disebabkan oleh kekurangan sumber seperti peralatan, bahan, dan akses kepada teknologi yang terkini untuk melaksanakan projek dengan berkesan (Lounas et al., 2023). Pembelajaran berasaskan projek berbantuan teknologi seperti e-pembelajaran dapat meningkatkan kemahiran abad ke-21 seperti penerokaan dan perkongsian ilmu, kerjasama berkumpulan, penyelesaian masalah dan lain-lain (Che Suriani et al., 2020; Muhamad Azhar et al., 2014; Jen & Mohd Effendi, 2020). Namun begitu, kaedah pengajaran secara konvensional masih digunakan secara meluas dalam proses PdPc kursus PTA sehingga menyebabkan hasil pembelajaran tidak dapat dicapai sepenuhnya (Wan Hafiidzul et al., 2020b). Kaedah ini kurang sesuai diterapkan di dalam pembelajaran berasaskan projek kerana ia tidak berupaya membantu pelajar menjana pemikiran kreatif, kritis dan imaginatif untuk membuat keputusan dalam menyelesaikan sesuatu masalah (Mohd Ridzuan et al., 2021; Nur Fatin Shamimi et al., 2021).



Selain itu, pelaksanaan kursus PTA di KV perlu berpanduan kepada Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV), perancangan kursus (CO) dan juga buku Garis Panduan Projek Tahun Akhir (GPPTA). Namun ianya tidak mencukupi kerana pelajar diploma di KV memerlukan panduan, bahan tambahan dan bimbingan berterusan untuk melaksanakan PTA (Rabindarang & Zulinah, 2021). Buku garis panduan sedia ada pula lebih menjurus kepada bidang teknikal dan kurang sesuai untuk dijadikan panduan bagi Program Seni Kulinari yang lebih terarah kepada penghasilan produk makanan. Hal ini menyebabkan pelajar-pelajar Seni Kulinari mengalami kesukaran dalam melaksanakan PTA kerana kekurangan dalam bimbingan dan akses kepada metodologi yang tepat sehingga menyebabkan pelajar sukar mencapai potensi penuh terhadap projek mereka (Rabindarang, 2022). Kekurangan sumber pembelajaran yang spesifik boleh menyebabkan pelajar sukar memahami konsep dengan baik (Asdy Hakim et al., 2021). Ia juga boleh menyebabkan pelajar kurang bermotivasi untuk meneroka dan melaksanakan PTA dengan lebih bersungguh-sungguh (Ahmad Tarmizi et al., 2020; Wan Hafidzul et al., 2020a). Kekurangan sumber pengajaran berdasarkan tahap silibus PTA di KV pula, menyebabkan pelajar cenderung untuk mencari maklumat menerusi capaian internet secara bebas dan tidak terkawal sedangkan tidak semua maklumat yang diperolehi adalah benar dan berkualiti (Ahmad Fkrudin et al., 2021). Oleh yang demikian, sumber pembelajaran yang berstruktur dan terbimbing diperlukan dalam melaksanakan PTA khususnya kepada pelajar program Seni Kulinari bagi memastikan pelajar mendapat penguasaan kursus yang komprehensif (Nilidawati & Mohd Azlan, 2023).





Sebuah modul yang berstruktur dan terbimbing sangat diperlukan oleh pelajar-pelajar Program Seni Kulinari dalam melaksanakan PTA kerana modul tersebut dapat membantu pembentukan asas yang kuat kepada pelajar (Holisoh et al., 2023; Nugroho et al., 2023). Umumnya, kemahiran Seni Kulinari mencakupi teknik memasak, penggunaan alat, dan pengendalian bahan. Namun dengan bantuan modul berstruktur yang khusus untuk pelaksanaan PTA, ia berupaya memberikan kerangka kerja yang jelas untuk menyelesaikan projek, dari perancangan awal hingga penyampaian akhir dan membantu memastikan keberhasilan projek tersebut (Nilidawati & Mohd Azlan, 2023). Menurut Miftakhurrohman et al., (2023); dan Noris et al., (2023) pula, modul yang terbimbing juga dapat disesuaikan untuk memenuhi keperluan gaya belajar individu pelajar, menyediakan ruang untuk kreativiti dan inovasi yang memungkinkan pelajar menerapkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam mencipta resepi dan



Bebanan kerja yang tinggi dan kekangan masa untuk menyediakan platform e-pembelajaran, seringkali menjadi cabaran kepada tenaga pengajar dalam menjayakan penerapan pendidikan abad ke-21 di dalam proses PdPc (Owston et al., 2019). Menurut Mohd Ridzuan et al. (2021), pembangunan modul pengajaran dapat membantu pensyarah yang menghadapi kekangan terhadap masa mengajar dan juga kekurangan bahan pengajaran. Melalui pembangunan bahan pengajaran berasaskan web, sudah pasti proses PdPc dapat dilaksanakan dengan lebih lancar, yang mana perkongsian dan penyebaran maklumat dapat dilakukan dengan lebih pantas dan tidak memerlukan pengajar dan pelajar bersemuka bagi membolehkan proses PdPc berlangsung (Mahizer, 2006; Ifaniza & Azmi, 2019). Oleh itu, bahan bantu pembelajaran berasaskan teknologi seharusnya diperbanyak bagi mengatasi isu kekangan masa dalam kalangan tenaga





pengajar dan seterusnya dapat mengurangkan bebanan kerja tenaga pengajar dalam menyediakan PdPc yang lebih interaktif dan berkesan.

Melalui sorotan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa beberapa modul PTA untuk kegunaan pelajar-pelajar di KV telah dibangunkan (Rabindarang, 2020; Wan Hafiidzul et al., 2020b). Namun ianya berupa modul bercetak yang mempunyai batasan dari segi penyebaran dan penggunaan media interaktif. Bagi memenuhi tuntutan pendidikan abad ke-21, pengkaji mendapati bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan e-modul khusus untuk membantu pelajar-pelajar diploma KV dalam melaksanakan PTA secara terbimbing dan teradun. Pembangunan modul yang berasaskan e-pembelajaran sangat diperlukan kerana telah banyak kajian yang membuktikan bahawa penggunaan e-pembelajaran melalui pembangunan e-modul mempunyai kelebihan dalam menyelesaikan beberapa isu pembelajaran berasaskan projek seperti tahap pemahaman konsep yang rendah (Norfariana & Lee, 2021; Sunita, 2021) dan kesukaran mendapatkan skor yang tinggi (Putri & Usmeldi, 2020; Serevina et al., 2018). Malahan, e-pembelajaran melalui penggunaan e-modul berupaya meningkatkan minat, tumpuan, serta pemahaman pelajar dalam PdPc (Noviana, 2021; Rashidah et al., 2018; Siti Zulaidah et al., 2018).

Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk membangunkan modul e-PTA agar dapat membantu pelajar melaksanakan PTA secara terbimbing dan teradun. E-modul yang dibangunkan, akan mendorong pelajar untuk berfikir dengan lebih kreatif dan inovatif kerana ia menyediakan platform untuk pelajar mencipta pengalaman pembelajaran yang positif, di mana mereka dapat berdikari dan belajar dalam pengawasan yang minimum (Jafry, 2017). Kajian ini turut dilihat mampu mendukung



antara enam fokus utama Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di dalam Pelan Strategik Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) 2021-2025 yang mahukan kandungan dan penyampaian kurikulum dijemakan bersama teknologi terkini demi penyampaian kurikulum yang berkesan dan sumber pengajaran yang berkualiti.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk membangunkan e-modul Kursus Projek Tahun Akhir (e-PTA) bagi Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, beberapa persoalan kajian akan dijawab di akhir kajian ini, iaitu;

- i) Apakah persepsi kumpulan pakar terhadap keperluan membangunkan e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA)?
- ii) Apakah elemen-elemen penting yang diperlukan untuk membangunkan e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA)?
- iii) Bagaimanakah e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA) dibangunkan?
- iv) Apakah pandangan kumpulan pakar terhadap kesahan kandungan e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA)?

- v) Apakah persepsi kumpulan pengguna terhadap kebolegunaan e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA)?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual adalah satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas tentang bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian dan peringkat-peringkat atau fasa-fasa dalam kajian (Ghazali & Sufean, 2021). Kajian ini memfokuskan kepada pembangunan modul elektronik ataupun e-modul bagi kursus Projek Tahun Akhir untuk pelajar program Seni Kulinari di Kolej Vokasional Malaysia. Pembangunan e-modul ini adalah berpandukan kepada model pengajaran ADDIE yang mempunyai lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian (Branch, 2009). Pemilihan pendekatan ADDIE ini adalah kerana, menurut Branch (2009) model ADDIE sangat sesuai digunakan untuk membangunkan produk pendidikan dan sumber pembelajaran yang berkesan. Pembangunan modul yang berpandukan kepada fasa-fasa dalam model ADDIE, turut memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih sistematik dan teratur.


Dalam fasa analisis, kaedah *Fuzzy Delphi* digunakan bagi mengenalpasti keperluan pembangunan modul serta menentukan elemen-elemen modul dari aspek hasil pembelajaran, isi kandungan pembelajaran, aktiviti pembelajaran dan lembaran kerja yang sesuai untuk diaplikasikan ke dalam modul e-PTA. Strategi pelaksanaan modul e-PTA pula adalah secara teradun, justeru kandungan yang terdapat di dalam modul e-PTA, boleh digunakan secara dalam talian atau dimuat turun untuk dijadikan

sebagai bahan bantu mengajar dalam proses PdPc secara bersemuka. Modul e-PTA dibangunkan dengan menggunakan platform *Google Sites* yang merupakan aplikasi berasaskan web oleh *Google* dan dapat digunakan secara percuma (Zainal & Kasmawati, 2021).

Penggunaan teori pembelajaran dalam mereka bentuk dan membangunkan modul adalah bagi menentukan sama ada ia boleh digunakan dan dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran (Khairulhasni et al., 2013). Di dalam kajian ini, Teori Pembelajaran Konstruktivisme (Vygotsky, 1896) diterapkan kerana ia bertepatan dengan pembelajaran berasaskan projek seperti PTA yang memerlukan pelajar membina sendiri pengetahuan secara aktif dalam menghasilkan sesuatu projek. Menurut Markham et al. (2003), Teori Konstruktivisme mementingkan pembinaan pengetahuan baharu serta menghubungkannya dengan kemahiran sedia ada, melalui pembelajaran sendiri, proses inkuiri, proses reka bentuk tugas dan produk. Teori pembelajaran *Connectivisme* yang diasaskan oleh Siemen (2004) yang menyokong pembelajaran secara atas talian, turut diterapkan di dalam pembangunan e-PTA kerana menurut Duke et al. (2013), *Connectivism* adalah teori pembelajaran zaman digital yang membentuk keupayaan individu dalam melihat perkaitan antara sumber maklumat dan mencipta pengetahuan baharu melalui pengkalan data atau sumber maklumat khusus yang lain.

Bagi menguji kesahan kandungan e-PTA, penyelidik menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada Sidek dan Jamaludin (2005), manakala untuk menguji kebolegunaan e-PTA, soal selidik USE yang bermaksud Kebergunaan (*Usefulness*), Kepuasan (*Satisfaction*) dan Kemudahan penggunaan (*Ease of use*) digunakan dengan

merujuk kepada prosedur Lund (2001). Kerangka konseptual bagi pembangunan e-modul kursus Projek Tahun Akhir (e-PTA) di dalam kajian ini, dibangunkan berdasarkan kepada paradigma Input-Proses-Output (IPO) seperti yang diamalkan dalam model ADDIE (Branch, 2009). Justeru, hasil kerangka konseptual kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1;



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.7 Kepentingan Kajian

Modul e-PTA boleh dikatakan sebagai modul berasaskan web yang pertama dibangunkan khusus bagi Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional Malaysia bagi melaksanakan Kursus Projek Tahun Akhir yang disifatkan sebagai subjek yang sukar dan mengambil masa yang panjang untuk dilaksanakan. Justeru, pengkaji mengharapkan pembangunan modul ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak

berkepentingan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kursus ini di KV seperti berikut;

1.7.1 Pelajar

Modul e-PTA ini dibangunkan selari dengan silibus atau Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) bagi kursus DHA 3052 (Projek Tahun Akhir 1) dan (DHA 4054 Projek Tahun Akhir 2). Justeru pembelajaran dengan menggunakan modul ini dapat memastikan hasil projek PTA pelajar mencapai hasil pembelajaran seperti yang telah digariskan di dalam silibus PTA. Penggunaannya juga diharapkan dapat memberi situasi pembelajaran yang baharu bagi pelajar-pelajar apabila pembelajaran kursus PTA kini diintegrasikan dengan teknologi maklumat dan multimedia interaktif yang lebih menarik. Kandungannya yang boleh diakses tanpa sempadan tempat dan masa, serta mudah diikuti secara langkah demi langkah, diharapkan dapat memberi keselesaan dan memudahkan pelajar dalam melaksanakan projek akhir dalam tempoh masa yang ditetapkan.

1.7.2 Tenaga Pengajar

Pembangunan modul e-PTA ini diharapkan dapat membantu menyelesaikan masalah tenaga pengajar seperti kekurangan sumber pengajaran yang spesifik dan seragam, kekangan masa dan kekurangan kemahiran untuk menyediakan bahan e-pembelajaran. Hal ini sedikit sebanyak menjadi penghalang kepada tenaga pengajar untuk

mengaplikasikan pedagogi abad ke-21 dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi kursus PTA. Dengan adanya modul e-PTA ini, diharapkan dapat mengurangkan beban tenaga pengajar serta menggalakkan tenaga pengajar untuk mempelbagaikan strategi pengajaran sesuai dengan pendidikan abad ke-21.

1.7.3 Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional

Pembangunan modul e-PTA ini dilihat selari dengan harapan BPLTV yang mahukan kursus PTA dilaksanakan dengan sistematik. Usaha ini dilaksanakan bagi melahirkan tenaga kerja mahir serta menjana modal insan yang kreatif dan inovatif di bawah transformasi pendidikan teknik dan vokasional bagi memenuhi aspirasi negara. Justeru diharapkan, BPLTV dapat menjadi medium penyebaran e-modul ini untuk digunapakai di kolej-kolej vokasional yang menawarkan Program Seni Kulinari di seluruh Malaysia dan digunakan sebagai pelengkap kepada Garis Panduan Projek Tahun Akhir yang sedia ada.

1.8 Skop Kajian

Pengkaji telah menetapkan beberapa skop kajian bagi menjelaskan sejauh mana kajian ini dilaksanakan. Skop kajian ini adalah seperti berikut;

- i) Pembangunan e-modul adalah berdasarkan Model ADDIE yang mengadaptasi Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) di peringkat analisis kajian.

- ii) E-modul dibangunkan khusus untuk Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional Malaysia sahaja.
- iii) Sampel kajian terdiri dari pakar bidang Seni Kulinari, Teknologi Maklumat dan Bahasa, serta pelajar DVM Seni Kulinari.
- iv) Kajian ini adalah kajian tinjauan deskriptif berbentuk kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data.

1.9 Batasan Kajian

Berhadapan dengan beberapa kekangan, maka pengkaji telah membataskan kajian seperti berikut;

- i) Kajian ini hanya melibatkan pembangunan, kesahan kandungan dan penilaian persepsi pengguna terhadap kebolegunaan e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA) sahaja. Kajian yang dijalankan tidak melibatkan sebarang pengujian terhadap keberkesanan modul.
- ii) Kandungan e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA) tertumpu kepada Kursus Projek Tahun Akhir bagi projek jenis nyata sahaja.
- iii) Sampel pelajar di fasa penilaian hanya terbatas kepada pelajar Diploma Seni Kulinari di KV ERT Setapak sahaja.

1.10 Definisi Istilah

Bahagian ini membincangkan definisi istilah-istilah yang berkaitan dengan konteks kajian ini bagi tujuan menjelaskan istilah yang digunakan dalam kajian.

1.10.1 Modul Elektronik (E-Modul)

Menurut Astina dan Wulandari (2021), modul elektronik atau e-modul ialah pembangunan modul percetakan digital, yang telah dinaik taraf daripada modul percetakan. Kelebihan modul elektronik jika dibandingkan dengan modul cetakan adalah ia bersifat interaktif, memudahkan dalam pencarian (navigasi), membolehkan gambar, audio, video dan animasi dimuatnaik serta dilengkapi dengan ujian-ujian formatif yang dapat dilakukan secara automatik (Suarsana & Mahayukti, 2013). Dalam kajian ini, modul elektronik adalah e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA) yang mengandungi bahan pembelajaran interaktif merangkumi nota pembelajaran, lembaran kerja, tugas dan penilaian Kursus PTA di KV dan dibangunkan dalam pelantar laman *Google (Google Sites)*.

1.10.2 Kursus Projek Tahun Akhir (PTA)

PTA merupakan subjek teras yang perlu dilaksanakan oleh pelajar-pelajar tahun akhir diploma Kolej Vokasional untuk penganugerahan Diploma Vokasional Malaysia. Ia boleh dilaksanakan sama ada melalui penghasilan projek jenis nyata atau projek jenis

kajian. Dalam konteks kajian ini, PTA yang dihasilkan adalah terhad kepada projek jenis nyata sahaja yang merujuk kepada produk atau perisian atau perkhidmatan yang dibangunkan mengikut kaedah-kaedah yang sesuai serta menggabungkan teknologi-teknologi baru dan tidak meniru sebarang ciri-ciri produk sedia ada di pasaran (BPLTV, 2020a).

1.10.3 Aplikasi *Google Sites*

Google Sites adalah produk *Google* yang boleh digunakan untuk membuat laman web (Harsanto, 2017). *Google Sites* dapat diakses dengan mudah dan percuma dengan menggunakan sebarang peranti digital tanpa kekangan masa dan tempat. Dalam bidang pendidikan, *Google Sites* boleh digunakan sebagai platform untuk membangunkan bahan pembelajaran yang relevan dan sesuai dengan silibus. Ia juga membolehkan tenaga pengajar memuat naik pelbagai jenis fail, video, audio, pautan, tugas dan penilaian untuk pelajar ke dalam laman tersebut. Dalam konteks kajian ini, *Google Sites* digunakan sebagai platform untuk pembangunan e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA).

1.10.4 Kesahan Modul

Kesahan modul boleh didefinisikan sebagai ketepatan konsep dan kandungan sesuatu modul (Mohd Zaharen & Mohammad Nasir, 2019). Sesuatu modul dianggap mempunyai kesahan yang tinggi apabila memenuhi aspek ketepatan sasaran populasi, situasi pengajaran yang sesuai, masa yang mencukupi, berlakunya

peningkatan prestasi dan perubahan sikap (Russell, 1974). Dalam kajian ini, kesahan kandungan e-modul Projek Tahun Akhir (e-PTA), ditentukan melalui borang penilaian kesahan kandungan modul yang diadaptasi dari soal selidik Sidek dan Jamaludin (2005).

1.10.5 Kebolegunaan Modul

Kebolegunaan modul ditakrifkan sebagai suatu kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam pembangunan modul bagi memudahkan penggunaannya (Nielsen, 1993). Menurut Lund (2001) pula, kebolegunaan modul boleh diuji dengan menggunakan soal selidik USE yang bermaksud Kebergunaan (*Usefulness*), Kepuasan (*Satisfaction*) dan Kemudahan penggunaan (*Ease of use*). Kajian ini turut menggunakan prosedur yang disarankan oleh Lund (2001) untuk menilai kebolegunaan modul e-PTA melalui persepsi pelajar-pelajar tahun akhir Program Diploma Seni Kulinari di Kolej Vokasional yang mengikuti kursus PTA.

1.10.6 Persepsi

Persepsi merupakan proses perlakuan individu iaitu dengan memberikan pandangan, gambaran atau pendapat terhadap apa yang dilihat, didengar atau dirasakan oleh setiap pancainderanya dalam bentuk sikap, pendapat dan tingkah laku (Robbins, 2003). Dalam kajian ini, pengkaji mengenal pasti persepsi pengguna terhadap kebergunaan (*usefulness*), kemudahan penggunaan (*ease of use*), kemudahan pembelajaran (*ease of*

learning) dan kepuasan (*satisfaction*) pengguna, bagi menilai tahap kebolegunaan modul e-PTA yang dibangunkan dengan menggunakan instrumen soal selidik USE (Lund, 2001).

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan beberapa isu berkaitan Kursus Projek Tahun Akhir di KV yang membawa kepada kajian ini dilaksanakan. Bab ini juga telah menyatakan dengan jelas, kesemua perkara penting di dalam Bab 1, merangkumi pernyataan masalah, objektif, persoalan, kerangka konseptual, kepentingan, skop, batasan kajian dan definisi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Kesimpulannya, pengajaran yang berbentuk konvensional perlu ditambah baik dengan mengintegrasikan teknologi dan multimedia yang lebih interaktif agar potensi pelajar dalam pelaksanaan kursus PTA dapat dioptimumkan. Sehubungan itu, modul e-PTA yang dibangunkan menggunakan aplikasi *Google Sites* sedikit sebanyak dapat mengatasi isu-isu permasalahan yang telah dikenalpasti di dalam kajian ini. Bab yang seterusnya akan mengupas beberapa sorotan literatur untuk menyokong dan digunakan dalam kajian ini.